

01 JAN 1997

Ribut (Fokus Berita)

RIBUT GREG BAWA PENGAJARAN

Oleh: Jackson Sawatan

KOTA KINABALU, 1 Jan (Bernama) -- Pepatah lama ada menyebut "sediakan payung sebelum hujan", tetapi tragedi ribut tropika Greg yang melanda pantai barat Sabah pada Khamis lepas mengajar banyak pihak agar menyediakan lebih daripada "payung" dalam menghadapi sebarang kemungkinan.

Tidak ramai yang menyangka Sabah boleh dilanda angin kencang dan hujan ribut yang pada waktu puncaknya mencapai kelajuan sehingga 90 kilometer sejam, mengakibatkan tidak kurang 180 orang terbunuh dan banyak harta benda musnah. Ia merupakan bencana alam paling buruk di negara ini.

Banyak pihak menuding jari, mempersalahkan agensi-agensi yang terbabit -- daripada Jabatan Perkhidmatan Kajicuaca sehingga kepada Jabatan Kerja Raya tetapi seperti kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad nyawa perlu diselamatkan terlebih dahulu sebelum mencari siapa yang bersalah.

Jabatan Perkhidmatan Kajicuaca paling hebat dikecam kerana didakwa cuai dan lambat bertindak menyampaikan maklumat lengkap berhubung kedatangan ribut itu.

Bagaimanapun di kalangan penduduk Sabah sendiri, laporan keadaan cuaca yang dari semasa ke semasa dikeluarkan jabatan itu jarang dianggap sebagai bahan maklumat yang perlu diberi perhatian serius.

Sikap sedemikian wujud mungkin kerana sudah terlalu biasa mendengarnya dan menganggapnya remeh ditambah dengan anggapan Sabah tidak mungkin dilanda malapetaka seterusnya.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding berkata kejadian ribut Greg itu adalah satu pengajaran kepada semua pihak bahawa setiap ramalan cuaca adalah penting.

"Usaha untuk menaikkan taraf Jabatan Perkhidmatan Kajicuaca dengan menambah dua lagi radar kaji cuaca di Sabah dan Sarawak dan langkah memperkemas sistem ramalan dan penyebaran maklumat laporan cuaca, dijangka dapat memberikan maklumat keadaan cuaca yang lebih terperinci," katanya.

Sabah memang tidak asing daripada bencana alam tetapi ia tidak seburuk ribut Tropika Greg.

Berita-berita mengenai banjir besar di Tenom, Beaufort, Kota Marudu, Beluran dan Kinabatangan yang mengorbankan nyawa, seakan-akan sudah menjadi bahan liputan berjadual tahunan bagi media-media Negeri Di Bawah Bayu ini.

Sambil tiada siapa dapat menghalang kejadian alam seperti ini daripada berlaku, kesannya sering kali lebih buruk daripada apa yang dijangkakan apabila fenomena alam itu bertukar menjadi pembunuh.

Awal tahun lepas 2,000 penduduk Tenom dan Beaufort, daerah yang berjiran dengan Keningau, yang merupakan daerah paling teruk dilanda bencana Greg, telah dipindahkan akibat banjir yang memusnahkan berpuluh-puluh hektar tanaman dan mengorbankan banyak ternakan.

Pada Jun lepas, lebih 15,000 orang di kedua-dua daerah itu dipindahkan sekali lagi akibat banjir manakala daerah-daerah lain seperti Kinabatangan dan Beluran di Sandakan, Tuaran, Kota Belud, Papar, Kota Marudu dan Pitas, juga tidak pernah terlepas daripada banjir setiap tahun.

Banjir besar ekor ribut Greg kali ini seharusnya membawa pengajaran kepada penduduk yang gemar mendirikan rumah di tepi sungai dan sewajarnya mereka mula memikirkan langkah-langkah perlu untuk memindahkan rumah mereka ke kawasan lebih tinggi.

Bagaimanapun terdapat segelintir yang belum mahu belajar daripada

peristiwa ini dan sekali lagi mendedahkan diri mereka kepada risiko yang serupa dengan mendirikan semula rumah di kawasan yang telah musnah dilanda banjir itu.

"Kami tiada pilihan lain dan terpaksa membina semula rumah bagi membolehkan kami menjalankan kehidupan biasa kami," kata Janiral Tawil, 45, seorang penduduk di Kampung Pampang, satu daripada kampung di Keningau yang teruk terjejas akibat banjir itu.

"Jika hujan dan ribut datang semula, saya dan keluarga akan melarikan diri awal-awal lagi," kata seorang lagi penduduk di kampung itu.

Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee berkata pejabat daerah telah diarah menghalang penduduk membina semula rumah mereka di kawasan yang dilanda banjir.

Dalam tragedi seperti itu, tindakan segera pasukan mencari dan menyelamatkan diperlukan. Kepantasan bomba, pasukan SMART, tentera, polis dan pelbagai anggota yang terbabit dalam usaha itu telah dapat menyelamatkan tidak kurang 200 nyawa yang mungkin turut terkorban jika usaha segera itu tidak dijalankan.

JKR dan Jabatan Air bergerak sejak hari pertama bencana untuk memulihkan perhubungan dan bekalan air, sekaligus meringankan kesukaran yang ditanggung penduduk Keningau.

Berikutan tragedi itu Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat turut mengambil langkah untuk melaksanakan latihan bencana alam kepada setiap pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi membolehkan mereka menghadapi sebarang bencana.

Selain banjir dan angin kencang, Sabah juga berhadapan dengan bencana alam lain seperti tanah runtuh dan gegaran bumi.

Tahun lepas, tanah runtuh mengorbankan tiga nyawa dan mencederakan empat yang lain di Sandakan manakala pada Jun lepas, satu gegaran kuat berlaku di pantai barat Sabah dan satu lagi pada November 1995 yang menyebabkan tiga daerah utama di Sabah -- Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau -- bergegar dengan kekuatan 5.0 pada skala Richter.

Sekalipun gegaran itu tidak membabitkan kecederaan atau kehilangan nyawa serta kerugian harta benda yang banyak, ia menjadi petanda bahawa Sabah perlu sentiasa bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.

Kelengkapan logistik perlu ada. Cadangan untuk mewujudkan pasukan SMART di Sabah seperti yang diutarakan Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee mungkin merupakan "payung" yang perlu disediakan bagi meminimumkan kerugian nyawa sekiranya tragedi seburuk ini berlaku lagi.

-- BERNAMA

JS SN AHH